

Berniaga kecil-kecilan di Lebuhraya UMS-Sulaman



# 'Usahawan tepi jalan tempatan' dihalang

**Oleh Barnard Yaang**

**INANAM:** Pembantu Menteri Pembangunan Perindustrian Hajah Jainab Ahmad berkata, orang tempatan yang sebenar dihalang daripada menjalankan perniagaan kecil-kecilan di tepi jalan tetapi orang asing, termasuk pendatang tanpa izin dikecualikan.

Beliau mengetahui perkara ini apabila sesetengah usahawan kecil ini memaklumkan perkara itu kepadanya.

Beliau berkata, penduduk tempatan ini sekadar mencari rezeki yang halal dengan menjual barangan makanan termasuk hasil tangkapan laut kepada mereka yang kerap berulang-alik menggunakan jalan itu khususnya di sepanjang lebuh raya UMS-Sulaman.

Wakil rakyat Karambunai itu berkata, disebabkan arahan daripada pihak berkuasa, "usahawan tepi jalan" ini berdepan dengan kesukaran untuk membayar yuran sekolah anak-anak mereka, belum termasuk belanja harian.

"Mereka (usahawan) ini diminta berniaga jauh dari jalan raya dan ini menjejaskan pendapatan mereka," katanya ketika melancarkan Pasar Malam Inanam Point, di sini, pada Ahad.

Halangan seperti itu, katanya menjejaskan usaha-usaha kerajaan untuk menaikkan taraf hidup rakyat melalui dengan bergiat secara aktif dalam bidang keusahawanan di kalangan mereka.

Jainab mencadangkan supaya pihak berkuasa membenarkan mereka melakukan perniagaan di tepi jalan asalkan mereka memastikan aspek keselamatan dan juga kebersihan.

Beliau berkata, lokasi gerai mereka tidak boleh terlalu hampir dengan jalan raya, kerana jika tidak ia mungkin akan mendatangkan bahaya kepada bukan sahaja peniaga tetapi juga pelanggan mereka.

Beliau juga menggesa Dewan

Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) untuk memansuhkan keperluan mendapatkan lesen perniagaan kepada usahawan kecil ini.

"Jika anda minta mereka membuka pejabat sebelum mereka boleh diberi lesen perniagaan, ramai di kalangan mereka tidak boleh melakukannya," katanya.

Beliau berkata, usahawan yang sedang naik tidak datang daripada latar-belakang yang kaya tetapi minat yang mendalam dalam aktiviti perniagaan.

Tambahan lagi, beliau berkata pihak berkuasa di kawasan lain seperti Tuaran tidak mengenakan kriteria seperti itu.

Dalam perkembangan lain, Jainab mengingatkan penduduk di kawasan Karambunai mengenai pelbagai peluang yang ada jika mereka berminat dalam menubuhkan sebuah perniagaan kecil-kecilan.

Agensi Kerajaan, Institut

Penyelidikan dan Pembangunan Pertanian Malaysia (Mardi), katanya, memberikan kursus-kursus percuma seperti penghasilan keropok lekor dan keropok.

Agensi-agensi lain seperti Sirim, katanya akan menawarkan kursus pembungkusan bermula 2007.

"Tapi anda tidak perlu membeli mesin mahal untuk membungkus barangan kerana Sirim boleh membantu anda membungkusnya tanpa sebarang kos," katanya.

Selain itu, katanya, Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (SMIDEC) juga ditubuhkan oleh kerajaan untuk membantu rakyat khususnya mereka yang berminat dalam bidang perniagaan.

Peruntukan daripada Kerajaan, katanya, bernilai berbilion ringgit dan kerana itu rakyat harus mengambil semua peluang yang ada untuk memperbaiki taraf hidup mereka.